



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PENJELASAN LHDNM:

KES TANGKAPAN ANGGOTA POLIS BANTUAN LHDNM DALAM KEGIATAN PENYELUDUPAN DAN PENGEDARAN DADAH JENIS SYABU BERNILAI RM7.8 JUTA

Cyberjaya, 24 Julai 2018 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan penjelasan mengenai berita yang dilaporkan oleh media massa pada semalam dan hari ini di mana salah seorang Polis Bantuan LHDNM merupakan antara 10 orang lelaki yang ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah jenis syabu bernilai RM7.8 juta di sekitar Lembah Klang.

Adalah dimaklumkan bahawa lelaki yang dikatakan sebagai anggota Polis Bantuan LHDNM tersebut adalah **bekas anggota** Polis Bantuan LHDNM yang telah ditamatkan perkhidmatannya dengan LHDNM berkuatkuasa pada 21 Mac 2014. Kekeliruan ini timbul berikutan lelaki tersebut masih memegang kad kuasa yang tidak lagi sah semasa tangkapan dibuat dan beliau telah gagal memulangkannya kepada LHDNM selepas perkhidmatannya ditamatkan.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang sentiasa menjunjung nilai-nilai integriti, LHDNM **tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang salah laku para pegawainya** dan

bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa dalam melengkapkan siasatan sekiranya diperlukan.

#

Sekian, Terima Kasih



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 / 21668 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Julai 2018